

05/05/1998

Tempoh lima tahun kurangkan pegangan

Wan Sabariah Shikh Ali; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan memberi tempoh lima tahun kepada firma insurans antarabangsa untuk mematuhi syarat mengurangkan pegangan asing daripada 100 peratus kepada 51 peratus, seperti dipersetujui dalam perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penangguhan itu meliputi semua firma insurans asing yang beroperasi di Malaysia. Bagaimanapun, pertimbangan awal diberikan kepada firma insurans antarabangsa, American International Group (AIG) yang mempunyai kes kukuh untuk mengekalkan pegangan dalam unit tempatannya.

"Kita memutuskan untuk memberikan mereka lima tahun lagi sehingga satu masa apabila kita bersedia.

"AIG adalah kes khas. Firma lain pun diberi lima tahun juga tetapi kita menimbangkan kes AIG terlebih dulu kerana mereka mempunyai kes yang kukuh dan kita perlu memberikan pertimbangan," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama di antara AIG dan rakan kongsi tempatan, Software International Corporation (M) Sdn Bhd (SIC), di sini hari ini.

Penangguhan itu bermakna AIG, menerusi unit tempatannya, American International Assurance (AIA) serta dua lagi firma asing, The Great Eastern Life Assurance Company Ltd (Great Eastern) dan Aetna Universal Sdn Bhd (Aetna Universal), yang sepatutnya mematuhi syarat itu menjelang 1999, mempunyai sehingga tahun 2003 untuk berbuat demikian iaitu apabila perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan sepenuhnya.

Pada 13 Disember 1997, perwakilan 132 negara anggota WTO yang bermesyuarat di Geneva mencapai kata sepakat untuk terus meliberalisasikan pasaran perkhidmatan kewangan masing-masing secara berperingkat, sejajar dengan kemampuan masing-masing.

Perjanjian itu akan meliputi kira-kira AS\$18 trilion dalam aset sekuriti sejagat, AS\$38 trilion dalam pinjaman bank sejagat dan kira-kira AS\$2.5 trilion dalam premium insurans sedunia. Ia dijadual disahkan menjelang hujung Januari 1999 dan akan berkuatkuasa pada Mac tahun itu.

Pada persetujuan itu, Malaysia turut menawarkan pakej liberalisasi termasuk meningkatkan had pemilikan asing dalam industri insurans daripada 49 peratus kepada 51 peratus menjelang 1999.

Bagaimanapun, tawaran itu tidak dipersetujui Amerika Syarikat yang mahukan pengecualian 100 peratus bagi AIA, anak syarikat AIG di Malaysia menerusi kaedah 'grandfathering' kerana ia adalah antara syarikat insurans paling awal beroperasi di negara ini.

Pendirian tegas kedua-dua pihak dengan Malaysia mempertahankan haknya melindungi kepentingan firma tempatan hampir menyebabkan rundingan itu menemui jalan buntu.

Bagaimanapun, beberapa siri lawatan dan pertemuan di antara pemimpin kedua-dua negara dikatakan membuka jalan kepada penyelesaian secara baik terhadap bantahan berkenaan.

(END)